

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : ISU KEBAKARAN**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh membantu dalam mengelakkan tragedi kes kebakaran seperti Pusat Tahfiz di Kampung Dato Keramat daripada berlaku di Negeri Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan semua pili-pili bomba di Selangor adalah berfungsi?

**JAWAPAN:**

a) & b)

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan Pemerksaan Sekolah Tahfiz di Selangor daripada Dengkil. (Soalan No. 44)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : PASIR**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Huraikan hasil yang diperolehi oleh Kumpulan Semesta sejak ditubuhkan mengikut tahun.
- b) Ke manakah wang tersebut digunakan?
- c) Apakah perancangan untuk penambahbaikan peranan Kumpulan Semesta?

**JAWAPAN:**

a) Hasil mengikut tahun:-

<b>Tahun</b>	<b>Pendapatan (RM'Juta)</b>	<b>Nota</b>
<b>2008</b>	4.8	Beraudit
<b>2009</b>	31.0	Beraudit
<b>2010</b>	61.3	Beraudit
<b>2011</b>	84.4	Beraudit
<b>2012</b>	63.5	Beraudit
<b>2013</b>	71.0	Beraudit
<b>2014</b>	118.0	Beraudit
<b>2015</b>	114.7	Beraudit
<b>2016</b>	82.8	Beraudit
<b>Sept 2017</b>	79.4	<i>Maklumat prestasi kewangan bagi tahun 2017 yang dikemukakan masih belum lengkap, tidak muktamad dan tidak beraudit.</i>

- b) Selain perbelanjaan operasi Syarikat, hasil tersebut turut dibelanjakan bagi tujuan di bawah sebagai sumbangan kepada Kerajaan Negeri:-

TAHUN (RM'juta)	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	Sehingga Sept 2017	JUMLAH
Dividen	-	-	17.5	6.0	6.0	15.0	10.7	7.2	-	-	62.4
Royalti PTD	0.4	4.8	9.0	14.6	11.5	13.3	17.3	15.1	11.8	12.3	110.1
Sumbangan kepada Kerajaan Negeri	-	-	1.2	7.9	6.4	1.9	2.0	7.7	3.6	0.8	31.5
Tribute Tuan Tanah	0.4	-	2.5	3.1	2.9	3.0	6.0	6.8	2.2	1.4	28.3
HORAS 600	-	-	-	-	-	-	40.0	69.0	42.0	27.9	178.9
Kolam Abass	-	-	-	-	-	1.5	0.8	1.5	1.3	-	5.1
<b>JUMLAH</b>	<b>0.8</b>	<b>4.8</b>	<b>30.2</b>	<b>31.6</b>	<b>26.8</b>	<b>34.7</b>	<b>76.8</b>	<b>107.3</b>	<b>60.9</b>	<b>42.4</b>	<b>416.3</b>

*Nota: Tidak termasuk penyelenggaraan sungai dan muka sauk di seluruh Selangor.*

- c) Rancangan untuk penambahbaikan peranan KSSB:-
- i. Meningkatkan produktiviti untuk membantu industri dengan meningkatkan gaji minima pekerja di lapangan;
  - ii. Proaktif membantu kontraktor secara teknikal dan memasuki pasaran yang lebih besar
  - iii. Membantu pelaksanaan sistem docket yang lebih efisien kepada Pejabat Tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : USAHA TANGANI PERMASALAHAN BANJIR**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persediaan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menghadapi musibah banjir, berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu sejak akhir-akhir ini?
- b) Bagaimana dengan persediaan pusat pemindahan dan adakah sudah dikenal pasti daerah yang berisiko?

**JAWAPAN:**

- a) Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor telah melaksanakan Mesyuarat Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri Selangor Bil. 1 Tahun 2017 pada 20 September 2017 dan Pelan Tindakan Monsun Timur Laut adalah seperti di **Lampiran 1**. Selain itu, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor melalui *Smart Selangor Command Centre* (SSCC) sentiasa memantau semua petunjuk dan parameter utama cuaca dan melaksanakan *Real Time Simulation* bagi daerah pesisir pantai. Tambahan lagi, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah diperuntukkan sejumlah RM203,556,835.39 untuk tindakan mitigasi.
- b) Sejumlah 518 buah pusat pemindahan telah dikenal pasti dan semakan koordinat telah dibuat. Pusat pemindahan yang telah dikenal pasti tersebut mampu menampung kapasiti sebanyak 97,290 mangsa bencana seperti dalam **Lampiran 2**.

**PELAN TINDAKAN MUSIM MONSUN TIMUR LAUT**

1. Semua Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah diarah melaksanakan mesyuarat persediaan di peringkat daerah dengan segera untuk memastikan perancangan awal dalam pengurusan aset pemindahan dan menyelamatkan, pengurusan pusat pemindahan serta bekalan bahan mentah yang mencukupi.
2. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Selangor diletakkan dalam keadaan bersedia 24 jam.
3. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor diletakkan dalam keadaan bersedia 24 jam.
4. Semua aset bagi tujuan Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) hendaklah dikemas kini dan akan diletakkan di lokasi strategik.
5. Senarai pusat pemindahan mangsa bencana seluruh Negeri Selangor dan Depot Bekalan Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat Sungai Buloh akan disemak dan dikemas kini oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor.
6. Semua pam air/banjir (pelbagai jenis) Jabatan Perparitan dan Saliran Negeri Selangor (JPS) akan disemak agar dalam keadaan baik dan bersedia. Semua 69 stesen telemetri, 82 stesen amaran, 14 stesen sukatan luahan, 124 stesen curahan hujan, 14 stesen paras air dan 18 stesen kamera pemantauan banjir akan disemak agar dalam keadaan baik dan bersedia.
7. Briged 11 Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diletakkan dalam keadaan bersedia.
8. Peraturan Tetap Operasi tindakbalas menghadapi bencana banjir telah diedar kepada semua jabatan/agensi.
9. *Smart Selangor Command Centre* (SSCC) telah membuat penyelarasan komunikasi dengan semua Bilik Gerakan Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta jabatan / agensi berkaitan.
10. Pelan-pelan *hotspot* telah diedar kepada semua jabatan berkaitan.

**JUMLAH PUSAT PEMINDAHAN MENGIKUT PECAHAN DAERAH**  
**NEGERI SELANGOR**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH PUSAT PEMINDAHAN</b>	<b>KAPASITI</b>
1	SEPANG	19	2500
2	GOMBAK	41	9830
3	PETALING	75	11730
4	KLANG	108	15280
5	KUALA LANGAT	40	4980
6	HULU SELANGOR	41	12950
7	KUALA SELANGOR	43	14100
8	HULU LANGAT	36	6910
9	SABAK BERNAM	25	9650
10	SHAH ALAM	49	4050
11	SUBANG JAYA	41	5310
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>518</b>	<b>97,290</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN DI SELANGOR**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan sedar bahawa chalet-chalet di bawah kelolaan Tourism Selangor di Sungai Chongkak, didapati terlalu usang?
- b) Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil?
- c) Minta dibentangkan usaha-usaha pembangunan Pelancongan Negeri Selangor yang lepas dan perancangan akan datang secara menyeluruh.

a) & b)

Ya. Langkah-langkah yang telah di ambil sebelum ini adalah memperbaiki kerosakan yang ada serta menaik taraf chalet-chalet mengikut peringkat seperti yang berikut:-

- 1) Menutup semua chalet dengan serta merta mulai 11 Oktober 2017 selama satu (1) bulan untuk menaik taraf dan pembersihan.
- 2) Menghadkan tempahan bermalam hanya untuk aktiviti perkhemahan sahaja dan kawasan riadah awam beroperasi seperti biasa.
- 3) Bangunan-bangunan yang merosot adalah disebabkan oleh ketidaksesuaian pembinaan cuaca dan suasana hutan simpan tropika, dirobohkan dan dibersihkan.

Selain dari melaksanakan langkah-langkah tersebut, pihak Tourism Selangor juga telah merancang pelan tindakan untuk jangka masa panjang seperti yang berikut:-

- 1) Memperkenalkan penjenamaan dan konsep baru terhadap operasi dan servis perkhidmatan di Congkak Park & Resort, mengikut 'trend' terkini dan mengambil kira kesesuaian dan keadaan sekeliling.
  - 2) Menaik taraf kaunter tiket.
  - 3) Menaik taraf laluan jalan utama, akses masuk dan tempat letak kereta.
  - 4) Kemudahan awam serta tapak perkhemahan juga akan dinaik taraf bagi memastikan kawasan tersebut mengutamakan keselesaan para pengunjung dan mesra pelancong.
- c) Kerajaan Negeri dengan kerjasama Tourism Selangor selaku badan promosi pelancongan rasmi negeri rancang melaksanakan program dan aktiviti

pelancongan negeri. Pelbagai usaha telah dilaksanakan termasuklah penyertaan Kerajaan Negeri di dalam siri promosi di dalam dan luar negara, penganjuran Acara Pelancongan, kempen promosi pelancongan dan sebagainya.

Dalam usaha membangunkan industri pelancongan, terdapat beberapa bidang dan segmen pelancongan yang menjadi fokus dan keutamaan negeri. Terlebih dahulu, sebelum ini Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada pelancongan berasaskan pelancongan gaya hidup (*lifestyle tourism*) di mana, aktiviti promosi yang dijalankan mempromosikan tempat-tempat gaya hidup seperti penganjuran festival, pesta, konsert, pusat membeli-belah, taman tema dan sukan golf dan industri kesihatan (*wellness*). Ini adalah sesuai dengan kedudukan Kerajaan Negeri sebagai negeri termaju di dalam Malaysia dan Kerajaan Negeri berpandangan ketika itu, Negeri Selangor perlu menonjolkan kelebihan tersebut yang tidak didapati di mana-mana di dalam negara.

Meskipun negara Malaysia, khususnya Kuala Lumpur telah disenaraikan sebagai salah sebuah tumpuan pelancong untuk membeli-belah di dunia, namun Kerajaan Negeri melihat keperluan untuk mempromosikan segmen pelancongan yang lebih bersifat sederhana perlu dilaksanakan. Sehubungan itu, pada kempen Tahun Melawat Selangor 2015, Kerajaan Negeri Selangor telah memberi fokus kepada segmen pelancongan semula jadi, pelancongan sukan dan pelancongan warisan dengan memilih tema '*Discover Selangor, Terokai Selangor*'. Pemilihan pembangunan bagi ketiga-tiga segmen pelancongan ini dilihat sebagai serampang dua mata di mana selain bertujuan untuk mempromosikan kekuatan ketiga-tiga segmen ini di dalam pelancongan negeri, ia juga bertujuan secara tidak langsung mempergiatkan industri sukan, menjadikan negeri fokus dalam memelihara dan menjaga alam sekitar dan memberi perhatian kepada pemuliharaan sejarah dan warisan.

Fokus Kerajaan Negeri semenjak itu diteruskan sehingga ke tahun ini dengan mengekalkan segmen yang sama dengan penambahbaikan segmen iaitu Pelancongan Eko, Pelancongan Sukan dan Pelancongan Warisan dengan tema baru yang lebih segar dan tepat, '*Discover Selangor, Heart of Malaysia*'. Sesuai dengan tema tersebut, menjadi fokus Kerajaan Negeri untuk mempromosikan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang unik dan nadi kepada negara Malaysia. Negeri Selangor sebagai negeri termaju dan menjadi pusat tumpuan rakyat dari serata negeri untuk mencari rezeki di negeri ini, kepelbagaian latar belakang kaum, budaya dan cara hidup telah menjadikan negeri ini amat unik.

Sehubungan itu, bagi memastikan fokus pelancongan negeri tidak tersasar daripada fokus segmen yang dirancang, Kerajaan Negeri telah memberi perhatian pembangunan menaik taraf produk pelancongan negeri dari segi Menaik taraf Infrastruktur Pelancongan Khazanah, Menaik taraf Produk



Pelancongan Pantai, Menaik taraf Produk Pusat Rekreasi Air Terjun, dan Menaik taraf Papan Tanda Informasi Pelancongan.

Seterusnya pada masa hadapan, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberi fokus tambahan kepada pembangunan segmen pelancongan pendidikan dan pelancongan kesihatan. Ini adalah berdasarkan kekuatan sedia ada negeri Selangor selaku sebuah negeri yang mempunyai senarai institusi pendidikan swasta yang banyak sama ada di peringkat pra sekolah sehinggalah ke peringkat universiti. Bahkan, kewujudan institusi pendidikan tidak formal umpama cendawan tumbuh selepas hujan telah menjadikan negeri Selangor sebagai pilihan kepada pelajar-pelajar untuk belajar di sini sama ada di kalangan rakyat negeri-negeri lain bahkan di kalangan rakyat luar negara.

Pusat-pusat perubatan swasta yang berkualiti dan mempunyai teknologi terkini di dalam negeri ini juga sering menjadi pilihan kepada penduduk tempatan dan antarabangsa terutama dari negara jiran untuk mendapatkan perubatan. Mengambil kira kekuatan ini, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menjadikan segmen pelancongan perubatan ini sebagai segmen yang perlu diketengahkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : KEDAI BESI BURUK HARAM**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kronologi tindakan Kerajaan Negeri terhadap kedai besi buruk haram di Seksyen 18 Petaling Jaya?
- b) Mengapa kedai-kedai tersebut masih beroperasi walaupun aduan dibuat sejak 2013

**JAWAPAN:**

- a) Berikut merupakan kronologi tindakan berserta statistik yang telah diambil oleh Pihak Majlis dari tahun 2013 sehingga terkini:-

<b>Jenis Tindakan</b>	<b>Jumlah</b>
Kompaun	182
Sitaan	76
<b>JUMLAH TINDAKAN</b>	<b>258</b>

- b) Berikut merupakan sebab-sebab utama premis besi buruk tanpa lesen masih beroperasi di sekitar Petaling Jaya :-
  - i. Premis tersebut menjalankan aktiviti tanpa mendaftarkan perniagaan kepada SSM dan tindakan mahkamah tidak dapat dilakukan kerana kekurangan dokumen;
  - ii. Premis tersebut bertukar pemilik dan aktiviti perniagaan masih dijalankan;
  - iii. Premis dan pemilik aktiviti perniagaan adalah orang yang berbeza. Ini kerana ianya disewakan bukan dimiliki.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : CADANGAN MENGADAKAN MATA PELAJARAN KHAS  
KEIBUBAPAAN DAN PENDIDIKAN ANAK DI SEKOLAH-  
SEKOLAH DI BAWAH KAWALAN NEGERI SELANGOR**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan kes-kes anak derhaka, penagihan dadah, melakukan jenayah, gengsterisme semakin bertambah, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memasukan mata pelajaran Pendidikan Keibubapaan dan Pendidikan Anak di sekolah-sekolah Negeri Selangor berteraskan ajaran Islam?
- b) Jika ya, sila nyatakan perancangannya, jika tidak, nyatakan alternatifnya.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai bidang kuasa untuk mewujudkan sebarang mata pelajaran dalam *silibus* pembelajaran di sekolah. Penggubalan mata pelajaran dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia.
- b) Jawatankuasa Tetap Pendidikan buat masa ini tidak mempunyai cadangan tersebut. Namun begitu bagi meningkatkan kemahiran keibubapaan Jawatankuasa Tetap Pendidikan telah melaksanakan beberapa siri Pendidikan Keibubapaan melalui program *Smart Parenting*. Program *Smart Parenting* yang terkini telah dilaksanakan pada 8 November 2017 bersempena Karnival Pendidikan Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI  
SELANGOR 2003**

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana pembahagian harta sepencarian mengikut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003, Seksyen 122 dapat dibuat secara adil?

**JAWAPAN:**

- a) Dalam memutuskan sesuatu tuntutan pembahagian harta sepencarian, mahkamah akan melihat kepada takat sumbangan yang dibuat oleh pihak-pihak dalam memperoleh harta tersebut. Justeru, pihak-pihak yang terlibat perlu membuktikan kepada mahkamah berkenaan takat sumbangan yang telah dibuat, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam memperoleh harta tersebut. Pihak-pihak juga perlu membawa saksi bagi menyokong dakwaan mereka. Setiap pihak diberi hak dan peluang yang sama sepanjang tempoh perbicaraan iaitu soal utama, soal balas dan soal semula dan mereka juga diberi peluang untuk mengemukakan hujah di penghujung prosiding. Hakim bicara akan membuat keputusan berdasarkan keterangan dan hujah pihak-pihak selaras dengan hukum Syarak dan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN LIF PPRT**

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan bagi menyelenggara lif PPRT dari 2014-2017?
- b) Senaraikan semua penyelenggaraan yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 serta kosnya?

**JAWAPAN:**

- a) Kos yang dibelanjakan untuk kerja-kerja menyelenggara, baik pulih dan menaik taraf lif dari tahun 2014 hingga 2017 di PPR Kota Damansara yang dilaksanakan oleh PHSSB adalah RM1,852,302.00 iaitu termasuk peruntukan sebanyak RM1,392,000.00 oleh Kerajaan Negeri melalui LPHS.

Manakala kerja-kerja menyelenggara, baik pulih dan menaik taraf lif dari tahun 2014 hingga 2017 di PPR Hicom yang dilaksanakan oleh PHSSB adalah RM2,004,831.76 iaitu termasuk peruntukan sebanyak RM1,931,691.76 oleh Kerajaan Negeri melalui LPHS dan bagi PPR Serendah pula tidak mempunyai lif. Sementara itu, kerja pembaikan lif dan penyelenggaraan PPR Lembah Subang 1 bagi tahun 2014 sehingga 2017 adalah berjumlah RM3,524,812.00 juta .

- b) Kos penyelenggaraan lif bagi tempoh Januari hingga September 2017 di PPR Kota Damansara 12 unit lif adalah sebanyak RM111,425.60, manakala PPR Hicom 9 unit lif adalah sebanyak RM43,884.00. Sementara itu, bagi PPR Lembah Subang 1 adalah berjumlah RM316,200.00 sehingga bulan Oktober 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PROGRAM SKIM MESRA USIA EMAS**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penerima dan jumlah pembayaran Skim Mesra Usia Emas (SMUE) sejak tahun 2008.
- b) Nyatakan jumlah pendaftaran OKU di bawah SMUE sejak tahun 2008.
- c) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mengkaji semula dasar SMUE? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah penerima dan jumlah pembayaran Skim Mesra Usia Emas sejak tahun 2008

	Jumlah Penerima Fasa 1	Jumlah Penerima Fasa 2	Jumlah RM Fasa 1	Jumlah RM Fasa 2	Jumlah RM keseluruhan
Keseluruhan Selangor & WPKL	88259	85966	88259000	128949000	217208000

- b) Jumlah pendaftaran OKU sejak 2008 sehingga 30.09.2017 adalah seramai 10,497 orang
- c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk mengkaji semula dasar SMUE sedia ada. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan sekiranya terdapat cadangan penambahbaikan terhadap dasar ini agar dapat dimanfaatkan oleh seluruh rakyat di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PEGAWAI PENJAWAT AWAM KONTRAK KERAJAAN NEGERI  
SELANGOR**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan penjawat awam kontrak pelbagai peringkat bagi setiap jabatan? Senaraikan.
- b) Di Jabatan manakah bilangan 5 tertinggi penjawat awam kontrak ini?
- c) Apakah halangan yang dikenal pasti untuk menyerap mereka kepada jawatan tetap?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod Sistem HRMIS sehingga 21 Oktober 2017, terdapat seramai **5,639** orang penjawat awam lantikan kontrak pelbagai jawatan di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sepertimana dalam **LAMPIRAN**.
- b) Berdasarkan rekod Sistem HRMIS sehingga 21 Oktober 2017, lima (5) jabatan yang mempunyai jumlah penjawat awam yang tertinggi adalah seperti berikut :

<b>Bil</b>	<b>Jabatan</b>	<b>Jumlah</b>
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	796
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	679
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	645
4	Jabatan Agama Islam Selangor	484
5	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	437

- c) Antara halangan yang dikenal pasti untuk menyerap penyandang lantikan kontrak ke jawatan tetap adalah seperti berikut :
  - i. **Tidak mematuhi kelayakan skim yang sedang berkuat kuasa.** Contohnya terdapat penyandang lantikan kontrak di Kumpulan

Pelaksana yang hanya memiliki kelayakan akademik Darjah 6 sedangkan kelayakan akademik minimum ketika ini bagi Kumpulan Pelaksana adalah Penilaian Menengah Rendah (PMR).

- ii. **Kekangan perjawatan tetap** di mana terdapat jabatan yang mempunyai jumlah penyandang lantikan kontrak yang hampir sama dengan jumlah perjawatan tetap terutamanya di Pihak Berkuasa Tempatan.
- iii. Terdapat **jawatan kontrak yang diwujudkan adalah khusus untuk sesuatu tugas dan tidak boleh diisi oleh pelantikan tetap**. Oleh itu, penyandang lantikan kontrak tersebut tidak boleh dilantik tetap kerana **tiada keperluan dan tidak wujud perjawatan tetap** di sesuatu jabatan itu.
- iv. Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mengguna pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam berhubung Panduan Pengambilan Pegawai Lantikan Kontrak (Contract of Service) untuk Tujuan Pelantikan Secara Tetap yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA). Dasar ini menetapkan bahawa pegawai lantikan secara kontrak perkhidmatan (Contract of Service) yang berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun boleh dilantik secara tetap mulai 1 Julai 2016 tertakluk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, dasar ini hanya **terpakai kepada pegawai/kakitangan yang dilantik secara kontrak sebelum atau pada 23 Oktober 2015 sahaja** dan tidak terpakai kepada lantikan selepasnya.



**LAMPIRAN**

<b>BILANGAN PENJAWAT AWAM KAKITANGAN KONTRAK DI PENTADBIRAN SUK NEGERI SELANGOR</b>		
<b>Bil</b>	<b>Unit Organisasi</b>	<b>Bilangan Pemilik Kompetensi</b>
1	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	796
2	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	679
3	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	645
4	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR	484
5	PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)	437
6	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	406
7	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	336
8	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	278
9	PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR	237
10	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	220
11	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	219
12	JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SELANGOR	94
13	PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR	78
14	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	70
15	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	63
16	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR	62
17	LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR	62
18	PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR	51
19	LEMBAGA URUS AIR SELANGOR	49
20	JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR	40
21	PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING	39
22	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	37
23	PEJABAT DYMM SULTAN SELANGOR	37

<b>Bil</b>	<b>Unit Organisasi</b>	<b>Bilangan Pemilik Kompetensi</b>
24	PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR	36
25	PEJABAT DAERAH DAN TANAH HULU LANGAT	22
26	PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK	19
27	PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA SELANGOR	18
28	PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT	17
29	PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEPANG	16
30	PEJABAT DAERAH DAN TANAH HULU SELANGOR	15
31	PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG	15
32	PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM	13
33	JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR	11
34	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	11
35	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR	8
36	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR	6
37	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR	4
38	JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR	4
39	JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR	3
40	PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR	1
41	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR	1
42	PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>5,639</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI  
(N50 SRI MUDA)**

**TAJUK : PERSIMPANGAN BERTINGKAT (*FLYOVER*) DI PERSIARAN  
ANGGERIK VANILLA DAN PERSIARAN ANGGERIK MOKARA,  
KOTA KEMUNING, SHAH ALAM**

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status bagi projek ini?
- b) Bagaimanakah kos projek ini boleh dikongsi dengan pemaju sekitar kawasan ini dan dari kawasan Majlis Daerah Kuala Langat? Huraikan.
- c) Bilakah wang caruman yang di pegang oleh MDKL dapat diselaraskan dengan MBSA?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak MBSA telah melantik pemborong untuk Fasa 1, kerja2 menaik taraf Bulatan Kota Kemuning (Persimpangan Persiaran Anggerik Vanila & Anggerik Mokara), tempoh projek adalah bermula dari 1 September 2017 sehingga 1 September 2018, untuk Fasa 1, melibatkan pelebaran bulatan & pemasangan lampu isyarat. Bagi pembinaan *flyover* ianya akan dilaksanakan di dalam Fasa ke dua yang melibatkan kos RM 25,000,000.00 juta. **(JAWAPAN DARIPADA MBSA)**
- b) Kerajaan Negeri perlu memainkan peranan penting dalam menyokong perancangan Majlis laksanakan kerja-kerja penambahbaikan untuk melancarkan lalu lintas di laluan utama Persiaran Anggerik Mokara bagi mewujudkan pintasan aliran trafik yang strategik antara Lebuhraya LEKAS–LKSA - Lebuhraya Shah Alam.

Memandangkan kos naik taraf ini melibatkan peruntukan yang agak besar untuk ditanggung oleh pihak Majlis dan pemaju-pemaju, Kerajaan Negeri perlu juga menyokong untuk menyediakan dana peruntukan bagi menjayakan projek menaiktaraf laluan ini dan antara cadangan kos perkongsian dicadangkan adalah seperti berikut:

- Peruntukan dari Geran Kerajaan Negeri
- Kutipan Sumbangan Pembangunan Infrastruktur (ISF)
- Sumbangan dari pemaju yang telah & akan dikenalpasti

Penambahbaikan ini perlu dilakukan sekarang bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas untuk jangka masa panjang agar dapat menampung jumlah kenderaan yang semakin bertambah di atas jalan raya, terutamanya dengan kepesatan pembangunan yang sedang dan akan berlaku pada masa hadapan di sepanjang jajaran dimaksudkan. **(JAWAPAN DARIPADA MBSA)**

Perbincangan diantara MBSA dan MDKL telah diadakan di mana MBSA telah mengenakan syarat kepada pemaju Bandar Rimbayu iaitu IJM untuk membina 'flyover' tersebut. Bagi pemaju-pemaju lain di dalam kawasan MDKL, perbincangan masih dijalankan dari semasa ke semasa. **(JAWAPAN DARIPADA MDKL)**

- c) Pihak MBSA telah mengadakan beberapa sesi perbincangan bersama pihak Majlis Daerah Kuala Langat bagi mendapatkan maklumat mengenai pembangunan yang akan dibangunkan berhampiran sempadan pentadbiran Kuala Langat-Shah Alam yang akan menggunakan jalan pintasan melalui Persiaran Anggerik Mokara.

Pihak Majlis mengesyorkan agar pihak Kerajaan Negeri melalui MTES dapat menerajui/ merangka pelan tindakan bersama antara pihak-pihak terlibat untuk selaras projek ini dari segi mendapatkan dana peruntukan & pemantauan perkembangan projek naiktaraf laluan tersebut hingga selesai. **(JAWAPAN DARIPADA MBSA)**

Pada masa ini pihak MDKL tidak mempunyai wang caruman dan perbincangan lanjut bersama MBSA masih dilakukan. **(JAWAPAN DARIPADA MDKL)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : WABAK DENGGI**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan Kerajaan Negeri untuk menggalakkan penglibatan NGO dengan lebih giat dalam memerangi denggi?
- b) *Preaction* untuk wabak denggi masih lemah. Apakah langkah baru yang dilakukan Kerajaan Negeri sebagai tambahan langkah sedia ada?
- c) Nyatakan statistik perbelanjaan bagi menangani wabak denggi dari 2014-2017.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan dan melibatkan NGO di dalam aktiviti kawalan Denggi terutama program kawalan dan pencegahan denggi di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan Ahli Dewan Negeri. Pihak NGO akan bersama-sama dengan penduduk untuk melaksanakan gotong-royong serta mencari dan memusnah tempat pembiakan aedes. Penglibatan NGO diharapkan akan berterusan agar timbul kesedaran bahawa isu denggi ini tidak hanya diletakkan kepada pihak kerajaan sahaja tetapi ianya merupakan tanggungjawab semua pihak.
- b) Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengawal dan mencegah kes demam denggi dan kes kematian denggi di negeri Selangor. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri memperuntukan sebanyak **RM5,000,000.00** untuk menampung perbelanjaan aktiviti kawalan dan pencegahan ini. Hanya negeri Selangor memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk menangani denggi berbanding negeri lain di Malaysia. Sebahagian besar peruntukan ini adalah bagi melantik ***Pest Controller Operator (PCO)*** bagi membantu kawalan di peringkat PBT iaitu **RM2.6 juta**. Selain itu, **RM1.2 juta** disalurkan kepada **Pihak Berkuasa Tempatan bagi pembelian racun serta peralatan dan keperluan** dalam melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan. Sebanyak **RM560,000.00** disalurkan kepada **Ahli Dewan Negeri** untuk membantu melaksanakan program pencegahan denggi seperti gotong-royong di kawasan masing-masing. **Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah** telah diperuntukan sebanyak **RM350,000.00** mengikut daerah bagi menangani isu berbangkit berkaitan yang boleh menyebabkan pembiakan denggi.

Kes demam Denggi Negeri Selangor dipantau secara konsisten melalui 2 Mesyuarat Tindakan Denggi iaitu:

1. **Mesyuarat Tindakan Denggi Negeri Selangor** yang diadakan setiap 2 minggu bagi membincangkan dan merangka dasar serta melaksanakan program-program kawalan dan pencegahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil Jabatan di peringkat Negeri; dan
2. **Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah** yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau wakilnya diadakan setiap minggu bagi membincangkan permasalahan di lokaiti wabak terutama hotspot . Mesyuarat ini akan memutuskan tindakan serta merta di peringkat daerah bagi permasalahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri wakil Jabatan di peringkat daerah termasuk Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis dan pihak terlibat langsung dengan isu dibincangkan.

Dalam masa yang sama, pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini termasuklah :

- a) Pelantikan semua **Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan** menjadi **Pengerusi Denggi Mengikut zon**. Ahli Majlis adalah sebagai perantara di antara YB ADN kawasan dengan pimpinan masyarakat setempat serta agensi-agensinya pelaksana bagi merancang dan melaksanakan program menghapuskan denggi. Pelantikan ini dapat membantu kawalan dan pencegahan denggi yang boleh dilaksanakan oleh semua pihak secara bersama bagi mengurangkan penularan kawasan wabak di kawasan masing-masing.
- b) Pelaksanaan **OPS Bersepadu Denggi**. OPS yang pertama kali diadakan di Daerah Hulu Langat ini mengumpulkan semua PBT bagi membantu pihak MPKJ dan MPAJ dalam melaksanakan tindakan kawalan dan pencegahan di daerah Hulu Langat pada hujung minggu memandangkan berlaku peningkatan kes yang mendadak. Hasil daripada pelaksanaan Ops Bersepadu Denggi selama 2 bulan, kes demam denggi di daerah Hulu Langat menurun dengan signifikan dan sekali gus menunjukkan kejayaan pelaksanaan OPS tersebut.
- c) Pelancaran **Program Semburan Aerosol Selangor** untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya penggunaan aerosol di dalam rumah supaya ahli keluarga dapat dilindungi daripada nyamuk Aedes. Program SAS yang dilancarkan pada 26 Februari 2017 telah menunjukkan pengurangan sebanyak 9 lokaliti hotspot di seluruh negeri selepas 1 bulan pelaksanaannya. Ini menunjukkan keberkesanan program yang dijalankan amatlah memberangsangkan. Selain itu, program SAS ini

turut dipanjangkan kepada semua pengusaha **pengangkutan awam di Selangor** termasuk pengusaha bas Smart Selangor, bas persiaran, bas sekolah, bas pekerja, bas berhenti-henti serta pemandu teksi untuk tujuan perlindungan yang lebih menyeluruh.

- d) **Penyusunan dan pembahagian lokaliti wabak** di Negeri Selangor telah dilaksanakan di peringkat Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah masing-masing. Memandangkan terdapat sesetengah lokaliti mempunyai keluasan yang agak besar untuk aktiviti kawalan dan pencegahan. Penyusunan dan pembahagian semula ini bagi memudahkan tindakan lanjut di peringkat PBT dan PKD untuk lebih fokus kawasan wabak yang terlibat.
- e) Program **Nyamuk Wolbachia oleh Institute of Medical Research (IMR)** telah dilaksanakan bermula Mac dan Mei 2017 di AU2, Taman Keramat dan Blok D, Seksyen 7, Shah Alam. Program ini di luaskan kepada lokaliti hotspot yang lain di daerah Petaling iaitu di Seksyen 7 Pusat Komerisal, Shah Alam dan Mentari Court, Petaling Jaya. Laporan keberkesanan pelaksanaan program ini masih belum dibentangkan oleh pihak IMR memandangkan ianya memerlukan tempoh masa yang panjang untuk pemantauan secara menyeluruh.
- f) Melaksanakan **Program Terjah Denggi di Kwarters Milik Kerajaan**. Kerajaan Negeri amat memandang serius bagi kes Denggi yang berlaku di kuarters Kerajaan kerana melibatkan penjawat awam di Selangor. Lanjutan itu, Kerajaan Negeri telah mengarahkan PBT dan PKD untuk membuat kawalan serta merta apabila menjadi hotspot.
- g) Pelaksanaan **Pendekatan Ekosistem Kawalan dan Pencegahan Denggi**. Pendekatan Ekosistem telah dilaksanakan di beberapa daerah yang mencatatkan kes demam denggi yang tinggi. Setiap PBT dan PKD dibahagikan kepada ekosistem mengikut kawasan ADN, Zon atau Seksyen. Aktiviti pencegahan dan kawalan denggi hendaklah fokus dan akan berubah mengikut kesesuaian geografi kawasan atau tempat.
- h) Pemantauan **Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAHE) di kawasan wabak Denggi**. Terdapat penemuan berkaitan kegagalan rekabentuk SPAHE oleh perunding, kegagalan pemilik untuk menyelenggara dan kurangnya kesedaran awam berkaitan SPAHE sehingga menyebabkan berlaku pembiakan aedes di kawasan tersebut. Kerajaan Negeri telah mengarahkan untuk pihak KPKT melihat semula kriteria pelaksanaan. Pada masa yang sama, PBT negeri Selangor diminta memantau perkara ini bagi mengelakkan peningkatan kes yang mendadak.

- i) Menggalakkan **penglibatan semua rumah ibadat Islam dan selain Islam** untuk mengadakan gotong-royong di kawasan masing-masing bagi menjaga dan memastikan premis adalah bebas aedes.
- j) Penyediaan **Blueprint Denggi Negeri Selangor** yang mempunyai 3 matlamat utama melalui pelaksanaan 4 Program khas dan dikuatkuasakan oleh 4 garis panduan akan dilancarkan pada tahun 2018. Blueprint ini adalah gerak kerja yang dirancang bagi memastikan kes denggi di Selangor berada di tahap terkawal.
- c) Statistik perbelanjaan bagi aktiviti kawalan dan pencegahan Denggi di Negeri Selangor mengikut PBT bagi tahun 2014 sehingga 2017 adalah seperti berikut :

PBT	PERBELANJAAN (RM)				
	2014	2015	2016	2017	JUMLAH
<b>MBSA</b>	5,283,150.73	5,535,230.67	2,076,150.32	1,988,261.80	15,482,793.52
<b>MBPJ</b>	500,000.00	500,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	4,000,000.00
<b>MPSJ</b>	1,304,000.00	1,456,000.00	1,855,850.00	900,750.00	5,516,600.00
<b>MPK</b>	71,600.00	50,000.00	135,000.00	455,000.00	711,600.00
<b>MPKJ</b>	65,600.00	85,310.00	292,410.00	620,000.00	1,063,320.00
<b>MPAJ</b>	709,198.25	828,363.16	752,523.16	1,038,000.00	3,325,084.57
<b>MPSP</b>	33,175.00	72,050.00	90,500.00	283,000.00	487,725.00
<b>MPS</b>	545,968.00	184,000.00	205,160.00	434,400.00	1,369,528.00
<b>MDKL</b>	102,835.00	91,200.00	118,500.00	292,850.00	605,385.00
<b>MDKS</b>	137,000.00	165,000.00	93,000.00	170,000.00	565,000.00
<b>MDHS</b>	50,000.00	100,000.00	80,000.00	70,000.00	300,000.00
<b>MDSB</b>	44,890.00	40,000.00	20,365.00	179,000.00	284,255.00
<b>JUMLAH</b>	<b>8,847,416.98</b>	<b>9,107,153.83</b>	<b>7,219,458.48</b>	<b>7,931,261.80</b>	<b>33,711,291.09</b>



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : CERUN**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan cerun-cerun kritikal yang memerlukan tindakan segera mengikut PBT.
- b) Sejauh manakah tindakan yang telah diambil terhadap cerun-cerun tersebut?
- c) Nyata impak kewangan kepada setiap PBT dalam mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah senarai cerun-cerun kritikal yang memerlukan tindakan segera mengikut PBT :

BIL.	PBT	SENARAIKAN CERUN-CERUN KRITIKAL YANG MEMERLUKAN TINDAKAN SEGERA MENGIKUT PBT
1.	MBSA	<p>Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Tembok Penahan di Rumah Datuk Bandar Shah Alam, Seksyen 7, Shah Alam.</p> <p>Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Cerun di Jalan BRP 1/10, Seksyen U20, Shah Alam untuk MBSA</p> <p>Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Tanah Mendap dikawasan Parking Pangsapuri Indahria, Seksyen 22, Shah Alam.</p> <p>Cadangan kerja-kerja pembaikan cerun di Jalan Zuhrah U5/149, Taman Subang Murni, Seksyen 5, Shah Alam untuk MBSA</p>
2.	MBPJ	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jalan 5/60, Bukit Gasing</li> <li>- Jalan 5/64, Bukit Gasing</li> <li>- Persiaran Cemara, Sri Damansara</li> <li>- Pju 10/10g, Saujana Damansara</li> <li>- Pju 8/8, Bukit Lanjan</li> <li>- Kawasan Perumahan Casabella, Jalan Teknologi Pju 3/11</li> <li>- Pju 8/1, Bukit Lanjan</li> <li>- Pju 8/8, Bukit Lanjan</li> <li>- Seksyen 16</li> <li>- Seksyen 17</li> <li>- Jalan Sd 9/4, Sri Damansara</li> <li>- Jalan Ss 22/23</li> <li>- Jalan SS 21/13</li> </ul>

BIL.	PBT	SENARAIKAN CERUN-CERUN KRITIKAL YANG MEMERLUKAN TINDAKAN SEGERA MENGIKUT PBT
3.	MPK	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Di kawasan pentadbiran MPK cerun yang dikenalpasti adalah di Taman Rakyat dan Jalan Perbandaran.</li> </ul>
4.	MPAJ	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan kerja-kerja penstabilan cerun di Lot 541 dan Lot 6873, tanah milik kerajaan Negeri Selangor berhampiran Taman Bukit Utama, Bukit Antarabangsa.</li> <li>- Cadangan kerja-kerja penstabilan cerun di Jalan Wangsa 7, Bukit Antarabangsa, Ampang, Selangor Darul Ehsan Untuk Majlis Perbandaran Ampang Jaya.</li> <li>- Cadangan kerja-kerja penstabilan cerun di sepanjang Jalan Bukit Permai, Taman Bukit Permai, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.</li> <li>- Cadangan kerja-kerja penstabilan cerun di Pangsapuri Intan, Taman Bukit Permai, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.</li> <li>- Cadangan kerja-kerja penstabilan cerun di Jalan Mega 5 Dan Jalan Mega 3, Ampang, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Majlis Perbandaran Ampang Jaya.</li> <li>- Cadangan kerja-kerja penstabilan cerun di Jalan Mega 5 Dan Jalan Mega 3, Ampang, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Majlis Perbandaran Ampang Jaya.</li> <li>- Cadangan Kerja-Kerja Penstabilan Cerun Di Belakang Blok A, Pangsapuri Keramat, Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan.</li> <li>- Cadangan Kerja-Kerja Membina Tembok Rc Dan Micropile Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Surau Bkt Sg Seputeh, Jalan Saidina Osman, Kg Bkt Sg Seputeh, Ampang Selangor Darul Ehsanmpaj.Kej.C.720-12/5/15</li> <li>- Cadangan Kerja Penstabilan Cerun Secara Reka Dan Bina Di Sepanjang Kampung Bukit Sungai Puteh, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Ampang, Selangor Darul Ehsan</li> </ul>
5.	MPSJ	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Jalan Puteri 9 &amp; 12 – Bandar Puteri</li> <li>2) Sek.Keb.Pusat Bandar Puchong 2, Pusat Bandar Puchong</li> <li>3) Jalan Wawasan (Pangsapuri Penaga)</li> <li>4) Jalan Tiong 8 - Puchong Jaya</li> <li>5) Jalan PUJ 6/10, Taman Puncak Jalil</li> <li>6) Periaran Kota Perdana - Kota Perdana 2</li> <li>7) Taman Lestari Perdana (Tangki Syabas)</li> <li>8) Jalan Putra Permai, Taman Equine</li> <li>9) Jalan Indah 2/1, Taman Universiti Indah</li> <li>10)BK 5b, Bandar Kinrara</li> <li>11)Jalan Du 1/5, Taman Damai Utama</li> <li>12)Jalan Kuchai 16, Taman Bukit Kuchai</li> </ol>

BIL.	PBT	SENARAIKAN CERUN-CERUN KRITIKAL YANG MEMERLUKAN TINDAKAN SEGERA MENGIKUT PBT
		13)Jalan Lp 6/3, Lestari Perdana 14)Pangsapuri Seri Nipah - Batu 3 15)Taman Bukit Pelangi, Batu 3 16) Jalan Wawasan 1/3, Bdr Puchong Jaya
6.	MPS	<p>Dibawah merupakan 178 cerun yang telah di inventorkan bagi tindakan pengawasan. Berdasarkan inventori tersebut, terdapat 38 cerun di anggap berisiko.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Desa Gemilang, Mukim Setapak</li> <li>- Taman Bukit Permata, Mukim Batu</li> <li>- Taman Kawasan Perindustrian Desa Aman, Mukim Batu</li> <li>- Taman Kampung Sri Indah, Mukim Batu</li> <li>- Taman Idaman Hills, Mukim Batu</li> <li>- Taman Cy Hitech, Mukim Batu</li> <li>- Taman Wangsa Permai, Mukim Batu</li> <li>- Taman Bukit Templer, Mukim Batu</li> <li>- Taman Bukit Lela, Mukim Setapak</li> <li>- Sepanjang Jajaran Permatang Kuartza, Mukim Setapak</li> <li>- Taman Sri Gombak Fasa, Mukim Setapak</li> <li>- Taman Pinggiran Templer, Mukim Batu</li> <li>- Taman Templer Height, Mukim Rawang</li> <li>- Taman Villa Bestari, Mukim Setapak</li> <li>- Taman Aman Sierra, Mukim Rawang</li> <li>- Taman Cemerlang Height, Mukim Setapak</li> <li>- Taman Harmonis, Mukim Setapak</li> <li>- Taman Bukit Sentosa, Mukim Setapak</li> <li>- Taman Templer Hills, Mukim Batu</li> <li>- Puncak Templer, Mukim Batu</li> <li>- Bandar Country Homes, Mukim Rawang</li> <li>- Taman Rawang Perdana, Mukim Rawang</li> <li>- Kampung Melayu Bt. 16 dan Sekitar, Mukim Rawang</li> <li>- Gombak Town Villa, Mukim Setapak</li> <li>- Prima Selayang, Mukim Batu</li> <li>- Selayang Pandang, Mukim Batu</li> <li>- Tasik Puteri, Mukim Rawang</li> <li>- Bandar Baru Selayang, Mukim Batu</li> <li>- Taman Aman Puri, Mukim Batu</li> <li>- Taman Indah Gemilang, Mukim Batu</li> <li>- Bandar Rawang, Mukim Rawang</li> <li>- Rawang Putra, Mukim Rawang</li> <li>- Perindustrian Kundang, Mukim Rawang</li> <li>- Desa Minang, Mukim Batu</li> <li>- Kota Emerald, Mukim Rawang</li> <li>- Matang Pagar, Mukim Batu</li> <li>- Selayang Utama, Mukim Batu</li> <li>- Garing Permai, Mukim Rawang</li> </ul>

BIL.	PBT	SENARAIKAN CERUN-CERUN KRITIKAL YANG MEMERLUKAN TINDAKAN SEGERA MENGIKUT PBT
7.	MPKJ	Taman Angkasa Indah, Kajang
		Taman Damai Jaya, Cheras
		Taman Saujana Damai, Kajang
		Taman Kota Cheras, Cheras
		Taman Bukit Belimbing, Cheras
8.	MPSP	Cerun berhadapan Taman Seroja Bandar Baru Salak Tinggi.
9.	MDKL	Tiada
10.	MDHS	Senarai cerun-cerun kritikal di kawasan MDHS adalah berdasarkan pelan pemetaan cerun berisiko yang disediakan oleh Jabatan Mineral & Geosains Malaysia.
11.	MDKS	Kawasan cerun kritikal adalah dibawah pembangunan Glomac (Bukit Saujana Utama)
12.	MDSB	MDSB tiada kawasan bercerun tinggi

Nota : Sumber data daripada PBT

- b) PBT-PBT yang mempunyai cerun turut membuat pemantauan di kawasan cerun berisiko mengikut kaedah yang disyorkan oleh Cawangan Cerun Jabatan Kerja Raya (JKR) dan perunding geoteknikal lain. Selain daripada itu, PBT sedang berusaha untuk memperkuatkan keupayaan dan keanggotaan Unit Cerun di Jabatan Kejuruteraan masing-masing.
- c) PBT tidak mempunyai peruntukan khas untuk kerja-kerja pembaikan cerun. Walau bagaimanapun, bagi mengatasi masalah tersebut PBT telah menggunakan peruntukan Tabung Amanah (ISF) dan peruntukan MARRIS bagi menjalankan kerja-kerja kritikal serta secara pinjaman daripada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : PENGHANTARAN PELAJAR SELANGOR KE TIMUR TENGAH**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah polisi kerajaan negeri untuk masa akan datang?
- b) Apakah mereka masih dianggap sebagai asnaf?

**JAWAPAN:**

- a) Oleh kerana Dasar Agihan semasa oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) menghadkan pembiayaan kepada asnaf fakir dan miskin serta penerima sedia ada sahaja, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meneruskan penghantaran pelajar ke Timur Tengah dengan pembiayaan Kerajaan Negeri sehingga Lembaga Zakat Selangor mampu melaksanakan penghantaran pelajar seperti sebelum ini.
- b) Secara umumnya, semua pelajar yang menuntut dengan tujuan memenuhi masalah 'ammah (keperluan sejagat) demi meninggikan syiar Islam bolehlah digolongkan sebagai asnaf fisabilillah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : STESEN BAS BISTARI JAYA**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Keadaan bas Stesen Bestari Jaya tidak memuaskan dan mendapat banyak teguran dari pengguna. Apakah perancangan untuk memperbaiki bas stesen tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak MDKS telah menawarkan Kerja-kerja membaik pulih kemudahan perhentian bas awam di pekan Bestari Jaya melalui SH 121/2017 berjumlah RM104,740.00 oleh Tn. Kuala Indah Resource.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PELAN JANGKA PANJANG AGENDA PENGANGKUTAN AWAM  
SELANGOR**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan jangka panjang agenda pengangkutan awam oleh kerajaan khususnya yang melibatkan Bas Smart Selangor?

**JAWAPAN:**

- a)
1. Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) bagi memberikan lakaran dan alternatif baru jajaran dan jalinan pengangkutan awam supaya Kerajaan Negeri dapat merangka sistem pengangkutan awam yang menepati keadaan semasa dan kehendak rakyat Negeri Selangor.
  2. Antara usaha yang berjaya dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah menyediakan perkhidmatan bas percuma iaitu Bas Smart Selangor yang kini mempunyai 100 buah bas di 30 laluan di 11 kawasan PBT di Negeri Selangor tidak termasuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang mempunyai 4 laluan dengan 22 bas percuma. Sambutan yang positif di kalangan rakyat terhadap perkhidmatan Bas Smart merupakan langkah awal untuk Kerajaan Negeri mencapai sasaran nisbah 60:40 iaitu 60 peratus penggunaan pengangkutan awam berbanding 40 peratus kenderaan persendirian serta menggalakkan penggunaan pengangkutan awam sebagai mod pengangkutan pilihan rakyat.
  3. Seiring dengan peningkatan teknologi terkini, perkhidmatan Bas Smart Selangor juga ditambah baik dengan penggunaan aplikasi supaya capaian maklumat yang lebih cepat dan lancar. Lanjutan itu, Kerajaan Negeri bersama Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) sedang membangunkan aplikasi Bas Smart Selangor iaitu *Transport Information System* (TIS) yang akan membolehkan pengguna bas mengenalpasti kesemua 30 laluan Bas Smart Selangor, menjejak perjalanan bas secara 'real time' dan menyemak waktu ketibaan bas. Pengguna juga boleh mendapatkan "*passenger info display system*" di setiap perhentian bas dengan mengimbas 'QR Code' menggunakan telefon pintar. Ini dapat membantu pengguna mengurus masa dan

perjalanan dengan lebih efektif serta tidak perlu menunggu lama di mana-mana perhentian bas seperti sebelum ini.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PERMOHONAN GERAN TANAH TAMAN CHERAS PRIMA**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perkembangan terkini permohonan geran tanah Taman Cheras Prima, daerah Hulu Langat.

**JAWAPAN:**

- a) Pentadbir Tanah Hulu Langat telah menerima Permohonan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Tanah di bawah Seksyen 204B KTN bagi pembangunan oleh Tetuan Port City Holdings Sdn Bhd (in Liquidation) daripada Ler Lum Corporate Restructuring Sdn Bhd.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 6/2017 telah menimbang dan meluluskan permohonan di atas pada 15 Februari 2017 yang telah disahkan pada 22 Februari 2017 ke atas hak milik HSD 68286 PT45535 (keluasan 42.322 ekar). Bayaran premium dan lain-lain bayaran yang dikenakan melalui Borang 5A berjumlah RM101,122.00 telah dijelaskan oleh pemohon pada 3 April 2017.

Pendaftaran bagi 350 hak milik baru telah dikemukakan ke Bahagian Pendaftaran, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor dan hak milik baru dijangka sedia untuk serahan kepada pemohon pada November 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PENEMPATAN DESA**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan merancang untuk membuka dan membangunkan kawasan penempatan baharu bagi program pembesaran kampung tradisi dan kampung bagan dengan tapak-tapak lot kediaman?

**JAWAPAN:**

- a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih mengekalkan persempadanan kawasan sedia ada serta tiada rancangan untuk membuat pembesaran kampung yang baru. Walau bagaimanapun di dalam Kajian Perancangan Fizikal Desa Negeri Selangor yang dilaksanakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa, terdapat perancangan untuk menstruktur/ menyusun semula kampung yang terletak di pinggir bandar terutama sekali bagi kampung yang sudah tidak menepati ciri-ciri kampung seperti jumlah penduduk yang melebihi 10,000 orang.

Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan Pelan Tindakan Khas (PTK) yang mana ianya bertujuan untuk penstrukturan semula kawasan kampung di Negeri Selangor dan akan memfokuskan kepada 26 buah kampung dalam bandar yang terdapat di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : USAHAWAN HIJRAH**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu peniaga kecil HIJRAH mengembangkan perniagaan mereka?
- b) Berapa ramaikah peminjam HIJRAH yang dikategorikan berjaya dalam perniagaan mereka?
- c) Apakah HIJRAH mempunyai usaha bersepadu dengan PBT bagi menyediakan premis perniagaan di pasar malam atau lokasi-lokasi tertentu dlm PBT?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak kerajaan Negeri Selangor bertindak sebagai penganjur program. Pada tahun 2015, pihak Kerajaan Negeri telah memperuntukkan modal pusingan bagi pelaksanaan program Hijrah Selangor sebanyak RM 100,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Juta). Manakala pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah memberi peruntukan tambahan sebanyak RM31 Juta (Program Pengembangan) untuk meluaskan program Hijrah Selangor dan pada tahun 2017, KNS telah memberikan tambahan modal berbentuk pinjaman sebanyak RM 50 Juta.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor juga telah menghubungkan kerjasama Hijrah Selangor dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan pelbagai agensi lain bagi memberikan peluang perniagaan kepada usahawan Hijrah Selangor melalui pemberian tapak niaga kepada usahawan yang berminat bagi setiap program Kerajaan Negeri Selangor yang diadakan di seluruh Negeri Selangor.

Melalui hubungan ini juga, kursus keusahawanan diberikan Kerajaan Negeri Selangor bagi meningkatkan motivasi diri, menambah ilmu keusahawanan peserta, kursus pembungkusan produk untuk usahawan menjenamakan produk masing-masing dan mempromosikan produk Usahawan melalui *Program Made In Selangor* dan pelbagai program lain.

- b) Sehingga kini, pihak Hijrah mengukur kejayaan peserta melalui kejayaan menyelesaikan bayaran balik dengan baik dan memohon semula pinjaman berskala besar untuk meneruskan projek sedia ada. Setakat ini, seramai 16,277

usahawan telah berjaya menyelesaikan pinjaman masing-masing. Daripada jumlah tersebut, 80% telah berjaya membuat pinjaman ulangan dan baki 20% masih belum meminjam disebabkan sedang memperbaiki disiplin kredit bayaran balik yang menjadi sandaran kepada pinjaman semula. Sekiranya peminjam-peminjam ini tidak mendapat pulangan yang baik hasil dari pinjaman Hijrah, berkemungkinan mereka akan gagal untuk meneruskan pinjaman ulangan dengan bernilai besar.

Untuk makluman dalam keratan akhbar Selangor kini bertarikh 24 Jun-1 Julai 2016, 19-26 Ramadan 1437H, UNISEL / IDE telah melaksanakan satu kajian secara rawak ke atas peminjam Hijrah Selangor Cawangan Sungai Besar pada 14 hingga 15 Mei 2016. Hasil kajian mendapati sebanyak 80.4% mengakui peminjam Hijrah Selangor mampu menghapuskan hutang petani dan nelayan dari pinjaman kepada peraih (orang tengah).

Kajian tersebut juga menunjukkan seramai 8283 orang dengan nilai pinjaman RM 96.3 Juta telah selesai membayar balik dengan baik bagi pusingan pertama. Daripada jumlah ini, seramai 6975 orang (84.2%) telah membuat pinjaman ulangan bernilai besar dan baki 1307 orang (15.8%) tidak keluar dari ahli Hijrah tetapi tidak meminjam (tunggu jika perlu).

- c) Sehingga kini, Hijrah telah membuka peluang pinjaman kepada peniaga-peniaga di pasar malam atau lokasi-lokasi yang disediakan oleh PBT dan pada masa yang sama Hijrah juga berusaha untuk bekerjasama dengan pihak PBT bagi menyediakan premis tapak perniagaan kepada peniaga-peniaga tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : ISU PONDOK PENGAWAL DAN PERABOT JALAN RAYA TERSADAI  
SELEPAS KEGAGALAN PROGRAM *GATED AND GUARDED* TAMAT  
DI KAWASAN TAMAN PERUMAHAN**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah *Standard Operation Procedure* (SOP) yang mesti dilakukan oleh setiap PBT untuk memastikan kawasan Taman Perumahan yang gagal meneruskan Program *Gated and Guarded* mengalih dan merobohkan pondok pengawal, palang besi dan perabot jalan raya yang menjadi halangan dan *eyesore* pengguna jalan?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan SOP Permohonan Komuniti Berpengawal (*Guarded Community*) PBT akan mengeluarkan Notis Arahan kepada Persatuan Penduduk supaya mengalihkan halangan-halangan atau struktur pondok pengawal terbiar dalam tempoh 14 hari. Sekiranya pihak Persatuan Penduduk didapati gagal untuk mematuhi arahan dan mengalihkan halangan-halangan tersebut, PBT akan mengambil tindakan penguatkuasaan lanjut yang akan melibatkan operasi perobohan pondok pengawal berkenaan termasuk halangan-halangan yang terdapat di tapak.

Pemantauan berkala akan dijalankan oleh pihak Jabatan Penguatkuasa bagi memastikan struktur dan perabut jalanraya tidak menjadi halangan dan 'eyesore' pengguna jalan. Syarat-syarat bagi mengalih dan meroboh struktur selepas program yang diberi kelulusan tamat, akan dimasukkan di dalam sijil kelulusan bagi memastikan perkara di titikberatkan oleh pemohon/ persatuan penduduk.